



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 8/2012 (19 hingga 25 Februari 2012)

Pada minggu ke lapan tahun 2012 iaitu bagi tempoh 19 hingga 25 Februari, sejumlah 602 kes demam denggi dengan dua (2) kematian telah dilaporkan, meningkat sebanyak 12 kes atau 3% berbanding 585 kes dengan satu (1) kematian pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Sejak 4 minggu yang lepas kes mingguan yang dilaporkan telah melebihi kes mingguan pada tahun 2011 dan ia juga merupakan yang tertinggi sejak bulan Januari 2012. Sebanyak tujuh (7) buah negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu WP Kuala Lumpur & Putrajaya yang meningkat sebanyak 19 kes (45%), Perak 18 kes (51%), Pahang 7 kes (44%), Terengganu 4 kes (20%), N.Sembilan 3 kes (38%), WP Labuan 1 kes (100%) dan Johor meningkat sebanyak 1 kes (3%).

Pada tahun 2012, bermula dari 1 Januari hingga 25 Februari, sebanyak 4,113 kes dilaporkan, meningkat sebanyak 412 kes atau 11% berbanding 3,701 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011. Pada tempoh yang sama juga, sebanyak 14 kematian akibat demam denggi dilaporkan berbanding hanya 7 kematian pada tahun 2011.

Pada minggu ke lapan, dua (2) kematian demam denggi dilaporkan, masing-masing dari Selangor dan Perak yang melibatkan seorang lelaki berusia 69 tahun yang bekerja sebagai pembantu kedai makan dan seorang surirumah berusia 53 tahun. Kedua-dua pesakit ini mempunyai sejarah penyakit-penyakit lain seperti bengkak kelenjar tiroid, pemindahan buah pinggang, Tibi, Hepatitis B, sakit pada bahagian sendi dan Darah Tinggi. Tempat kediaman salah seorang pesakit merupakan kawasan wabak dan hasil pemeriksaan mendapati kadar pembiakan Aedes (AI) di tempat kediaman pesakit adalah tinggi iaitu 2.85% dan 3.3%. Tiga (3) kompaun maksima RM500 juga telah dikeluarkan kepada 3 penghuni premis yang didapati mempunyai pembiakan. Penduduk sekitar telah mengambil inisiatif dengan menjalankan aktiviti gotong-royong supaya tiada lagi kes seumpama ini berlaku.

Sejumlah 143 lokaliti wabak denggi di 20 buah daerah dipantau di seluruh negara, meningkat 17 berbanding 126 lokaliti pada minggu sebelumnya. Pada minggu ini, dua (2) lokaliti hotspots dilaporkan di WP Kuala Lumpur iaitu Flat Desa Tungku Mariam 1 dan Taman Sri Rampai (Jln 76/26) di zon Setapak dengan jumlah kes yang dilaporkan sebanyak 18 kes. Di sepanjang minggu ke lapan juga, sebanyak 70,060 premis telah diperiksa dengan 1,002 premis di dapati terdapat pembiakan Aedes pada minggu lepas. Sejumlah 10 buah negeri berbanding lapan (8) pada minggu sebelumnya telah menunjukkan Kadar Pembiakan Aedes (AI) melebihi 1% iaitu WP Kuala Lumpur & Putrajaya (3.34%), Perlis (2.62%), Selangor (2.42%), Johor (1.63%), Kedah (1.59%), Sabah (1.16%), Sarawak (1.11%), Negeri Sembilan (1.11%), Pahang (1.09%) dan Kelantan (1.03%). Peningkatan kadar pembiakan Aedes ini juga telah menyumbang

kepada berlakunya peningkatan jumlah kes demam denggi pada minggu ini.

Hasil dari pemantauan KKM itu telah menunjukkan masih terdapat banyak tempat-tempat pembiakan Aedes di persekitaran komuniti atau dengan kata lain, tahap kebersihan persekitaran komuniti masih lagi rendah. Dengan kadar kematian denggi yang tinggi pada masa ini, masyarakat diminta memastikan aktiviti pencegahan denggi dilaksanakan setiap minggu. Pengurangan tempat pembiakan mestilah dilakukan dengan kerjasama semua pihak samada individu, Jawatankuasa Penduduk, pemimpin masyarakat serta agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO). Ahli-ahli sukarelawan COMBI juga perlu bergiat secara aktif dalam menjalankan pelbagai aktiviti bagi memastikan kebersihan persekitaran komuniti sentiasa terjaga dan menjamin kesihatan anggota masyarakat. Ingatlah, **Tidak Peduli, Maut Menanti, Hapuskan Aedes.**

**DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

27 Februari 2012

## Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 8/2012  
(19 hingga 25 Februari 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 8/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 8/2011
		Minggu 8 (19 – 25 Feb 2012)	Minggu 7 (12 – 18 Feb 2012)		
1	Perlis	3	4	27	19
2	Kedah	12	12	120	99
3	P. Pinang	19	21	159	300
4	Perak	53 (1)	35	310 (1)	238
5	Selangor	273 (1)	274 (1)	1,854 (8)	1,292 (1)
6	WPKL & Putrajaya	61	42	421 (3)	258
7	N. Sembilan	11	8	71 (1)	98
8	Melaka	12	18	123	92
9	Johor	34	33	258	395 (4)
10	Pahang	23	16	131	209 (1)
11	Terengganu	24	20	171	195 (1)
12	Kelantan	39	57	224	156
13	Sarawak	27	31	158	234
14	Sabah	10	14	83 (1)	112
15	WP Labuan	1	0	3	4
	<b>MALAYSIA</b>	<b>602 (2)</b>	<b>585 (1)</b>	<b>4,113 (14)</b>	<b>3,701 (7)</b>

Nota: ( ) Kematian

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 8  
BAGI TAHUN 2012**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	WPKL	Setapak	Flat Desa Tungku Mariam 1	13	37
2	WPKL	Setapak	Taman Sri Rampai (Jln 76/26)	5	32